

FAKTOR PERUBAHAN DIALEK MELAYU DALAM KALANGAN MASYARAKAT

^{1,a}ROS DI BIN ZAKARIA, ^{2,b}NOOR ROHANA MANSOR

¹Pusat Pendidikan Asas dan Liberal,
Universiti Malaysia Terengganu,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

^arosdirosdi56@gmail.com, ^bnoor_rohana@umt.edu.my

Kata kunci: dialek, perubahan, pelestarian, geografi.

Abstrak. Perbezaan dalam pertuturan sesuatu dialek merupakan suatu fenomena yang sering berlaku di Malaysia bahkan seantero dunia sejagat. Perubahan dan perbezaan bunyi pertuturan ini disebabkan oleh beberapa faktor sama ada masyarakat bahasa itu sendiri, begitu juga faktor geografi atau kawasan. Selain itu, fenomena perubahan sesuatu dialek itu sebenarnya berlaku seiring dengan gaya hidup masyarakat sesuatu tempat dan juga tuntutan ekonomi semasa. Kepentingan pengekalan ataupun pelestarian sesuatu dialek itu merupakan lambang sesuatu masyarakat yang patut diwarisi. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti beberapa faktor perubahan kosa kata dialek dalam masyarakat Melayu. Perbezaan dialek sesuatu masyarakat berdasarkan kedudukan geografi mahupun corak kehidupan masyarakat tersebut. Objektif kajian bagi membincangkan aspek perubahan dialek yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan dialek, serta menjelaskan penggunaan dialek sesuatu masyarakat berdasarkan kategori umur penutur dan kawasan.

Pengenalan

Perbedaan dan kekhilafan dalam pertuturan sesebuah masyarakat sememangnya berlaku di Malaysia bahkan seantero dunia sejagat. Perbedaan mahupun perubahan bunyi pertuturan itu disebabkan oleh beberapa faktor sama ada masyarakat penutur bahasa itu sendiri, begitu juga faktor kawasan atau geografi.

Dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia telah dikelompokkan kepada lima kawasan utama iaitu kelompok barat daya yang terdiri daripada kelompok Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan meliputi Perak Utara, sementara kelompok Timur Laut diwakili oleh dialek Kelantan, seterusnya kelompok Timur yang meliputi Terengganu, selanjutnya kelompok Selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan dan akhirnya kelompok yang mewakili dialek Negeri Sembilan. (Asmah Hj Omar, 1991).

(Abdul Hamid Mahmood, 1990) memetik Mario Pei mentakrifkan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, tatabahasa ataupun penggunaan kata-kata tertentu. Kelainan tersebut tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Dapatlah dikatakan bahawa dialek dituturkan oleh sekumpulan masyarakat dalam satu-satu kawasan untuk tujuan komunikasi dalam kehidupan seharian mereka.

Perbincangan ini cuba mengetengahkan serta menjelaskan bahawa telah berlaku perubahan dialek yang melibatkan sesuatu masyarakat. Keunikan identiti sesuatu masyarakat haruskan dikekalkan dan diwarisi oleh generasi yang mendatang. (Rahimah Mustafa, 2017) menyatakan bahawa masyarakat Besut sebahagiannya adalah bertutur menggunakan dialek Kelantan. Oleh sebab, daerah Besut bersempadan dengan garis politik negeri Kelantan di bahagian utaranya kemungkinan besar dakwaan tersebut mempunyai kebenarannya.

Konsep Perubahan Dialek

Perubahan ialah perihai berubah bentuk (sifat, rupa, keadaan, dan lain-lain) Kamus Dewan Edisi Keempat 2007. Perubahan dialek yang dimaksudkan dalam perbincangan ini melibatkan bentuk perubahan penggunaan perkataan atau pemilihan kosa kata dalam kalangan masyarakat penutur. Pemilihan perkataan dialek ini yang diujarkan pada suatu masa dahulu mungkin penggunaannya pada hari ini tidak lagi digunakan oleh masyarakat tersebut. Perubahan ini berlaku meliputi kategori umur atau generasi masyarakat yang dikaji. Pemilihan perkataan dialek bagi setiap lapis kategori penutur adalah berbeza.

Konsep Dialek

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Hamid Mahmood dalam karyanya yang bertajuk Dialek Terengganu: satu tinjauan ringkas, memetik Ayatrohaedi, 1979:1 menyatakan istilah dialek berasal daripada Yunani iaitu dialektos yang pada mulanya digunakan dalam hubungan dengan keadaan bahasa di tempat itu. Sementara di Yunani terdapat perbezaan-perbezaan kecil di dalam bahasa yang digunakan oleh penduduk masing-masing, tetapi sedemikian jauh hal tersebut tidak sampai menyebabkan mereka merasa mempunyai bahasa yang berbeza.

Di samping itu (Kamus Dewan, 2007:348) mendefinisikan dialek sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada standard, loghat, pelat negeri dan lain-lain.

Konsep Masyarakat

(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007 : 1004) Masyarakat membawa maksud kumpulan manusia yang hidup bersama (dalam sesuatu tempat dengan aturan-aturan dan cara tertentu).

Masyarakat itu adalah suatu jenis kelompok khas dengan sistem sosial yang komprehensif yang merangkumi semua institusi sosial yang asas yang diperlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan manusia yang asas. Ia agak mandiri dan mempunyai sarana-sarana untuk kelangsungan hidup dalam jangka waktu yang panjang, dan mendapatkan keanggotaannya sekurang-kurangnya sebahagiannya daripada keturunan mereka sendiri melalui reproduksi biologi.

(Abdullah Hassan, 2009: 59-81) mengemukakan dalam makalah Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi membincangkan tentang kaitan antara bahasa, khususnya bahasa Melayu dengan jati diri individu dan bangsa, khususnya Melayu di Malaysia. Definisi jati diri individu dan bangsa dikupas menggunakan kamus falsafah dan rujukan silang kepada beberapa definisi daripada ahli sosiologi, sejarah dan sains politik. Berdasarkan kupasan tersebut dirumuskan bahawa terdapat lima ciri yang membentuk jati diri bangsa, yakni leluhur, bahasa, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama. Namun begitu, di sebalik ciri yang membentuk jati diri terdapat juga mekanisme yang merangsang perubahannya. Berdasarkan kajian Abdullah Hassan dalam makalah tersebut bahawa ternyata bahasa itu mempunyai hubungan dengan masyarakat bahasa itu sendiri.

Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Perubahan Bahasa

(Made Suparta dan Nyoman Kardana, 2017) dalam Pemakaian Bahasa oleh Masyarakat Bugis di Desa Senganan, Tanaban, Bali. Isu dan permasalahan dalam kajian ini melibatkan pengguna bahasa Bugis di Desa Senganan, Tanabanan, Bali. Pengkaji melihat tentang berlakunya pergeseran bahasa ibu di kawasan ini sehinggakan keseluruhan masyarakat tersebut menggunakan bahasa Indonesia dalam semua ranah.

Pengkaji mendapati pergeseran bahasa Bugis pada masyarakat Bugis di Desa Senganan disebabkan oleh lima ranah pemakaian bahasa atau pilihan bahasa. Pengkaji merumuskan bahawa ranah keluarga, ranah agama, ranah kejiiran, ranah pentadbiran dan pendidikan secara keseluruhannya menggunakan bahasa Indonesia. Oleh itu, pengkaji membuat rumusan berdasarkan pengkajiannya bahawa perkara ini disebabkan oleh dua faktor iaitu faktor luar (external) dan faktor dalaman (internal). Faktor dalaman melibatkan pergeseran bahasa ibu, adaptasi bahasa lain dan sikap masyarakat Bugis itu sendiri. Manakala faktor luaran pula meliputi ruang geografi pembahagian kawasan dan ruang lingkup alam sekitar. Kajian ini melibatkan toeri sosiolinguistik berdasarkan Teori Pilihan Bahasa iaitu Teori Domain.

Pengkaji menjalankan kajian melibatkan pergeseran bahasa ataupun kepunahan bahasa Bugis di Desa Senganan. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya menyentuh secara umum tentang kehilangan bahasa ibunda (dialek tempatan). Secara keseluruhannya, kajian menyebut tentang berlakunya kehilangan bahasa Bugis di Desa Senganan.

(Mujid F Amin dan Suyanto, 2017) dalam Pergeseran dan Pemertahanan Bahasa Ibu Dalam Ranah Rumah Tangga Migran di Kota Semarang. Sebahagian besar pendatang yang menduduki Kota Semarang menggunakan bahasa Indonesia berbanding bahasa ibunda. Perkara ini berlaku kerana berlakunya perkahwinan percampuran dalam keluarga. Pergeseran ataupun kehilangan bahasa ibunda penduduk Kota Semarang telah berlaku.

Ranah keluarga dalam pemilihan bahasa di Kota Semarang antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya pergeseran bahasa. Sekiranya suami isteri yang mendiami Kota Semarang kedua-duanya adalah pendatang sebahagian besar daripada mereka menggunakan bahasa ibunda dalam komunikasi antara mereka seharian. Peratusannya sangat rendah bagi mereka yang mempunyai pasangan suami isteri yang salah seorang daripada mereka adalah pendatang berkomunikasi dengan bahasa ibunda. Sebahagian besar mereka berkomunikasi dalam keluarga menggunakan bahasa Indonesia.

Kajian ini berlandaskan Teori Pilihan Bahasa, (Teori Domain). Oleh Fishman. Pengkaji telah memilih ranah keluarga

dalam mencari bukti dan penyelesaian berkaitan pergeseran dan pemertahanan bahasa yang berlaku dalam kalangan keluarga pendatang yang mendiami Kota Semarang.

Kajian yang melibatkan bahasa ibunda ataupun sesekali disebut sebagai bahasa dialek sering kali berlaku perubahan ataupun berlaku situasi pergeseran ataupun disebut mengalami kepunahan dan kehilangan. Dalam kajian ini pengkaji hanya menyatakan berlakunya kehilangan ataupun pergeseran bahasa berdasarkan ranah keluarga secara khusus. Kemungkinan dalam masyarakat penutur bahasa di Kota Semarang ini mempunyai bahasa dialek yang lebih unik yang belum dikaji secara mendalam.

(Karlina Helmanita, 2013) dalam Analisis Sosiolinguistik Perubahan Bahasa Pada Masa Pra-Pasca Pubertas. Pengkaji mengemukakan dua permasalahan bahasa. Pertama, bahasa sebagai instrumen komunikasi yang digunakan anak. Kedua, anak sebagai pengguna bahasa dan pemakai bahasa. Sekiranya diteliti bahasa bersifat dinamik dan kecenderungan mengalami perubahan adalah tinggi. Kajian ini melibatkan permasalahan bahasa mengikut usia yang mana khusus kepada perubahan bahasa selepas pra baligh (Pra- Pasca Pubertas). Dalam kajian ini, pengkaji mendapati berlaku beberapa perubahan bahasa yang dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor yang pertama ialah faktor usia dan faktor hubungan yang dibangunkan oleh penutur pada masa selepas baligh.

(Siti Rahimah Mustafa, Raja Mashitah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz, dan Mohd Sharifudin Yusop, 2017) dalam Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan Kaitannya Dengan Pembentukan Jati Diri. Dialek dihubungkan dengan jati diri masyarakat Besut. Pengkaji menyatakan bahawa dialek Besut merupakan pelestarian dialek Kelantan di daerah Besut. Pengkaji dalam dapatannya menyatakan bahawa penggunaan dialek adalah tidak muktamad dalam penetapan jati diri dalam sesebuah masyarakat. Namun, sesuatu dialek itu dipengaruhi oleh budaya, geografi, leluhur, dan agama dalam pembentukan jati diri.

(Nor Hashimah Jalaluddin, 2016) dalam Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical System (GIS) menyatakan bahawa faktor geografi mempengaruhi pembentukan dan penyebaran variasi leksikal masyarakat pesisir Sungai Perak.

Rumusan

Kesimpulan awal di sini dapatlah dirumuskan bahawa faktor perubahan sesuatu bahasa dibahagikan kepada beberapa faktor. Antaranya budaya, leluhur, geografi, keluarga, sikap, umur, jantina dan masa.

Perubahan masa dan peredaran zaman menyebabkan berlakunya perubahan, pergeseran, kehilangan atau juga disebut sebagai kehilangan bahasa. Dalam perbincangan ini fokus diberikan ke atas kajian kosa kata dialek Melayu. Hakikat sebenarnya telah berlaku kehilangan dialek dalam sesuatu masyarakat atau sesuatu kawasan. Malahan kemungkinan terdapat masyarakat yang hanya tahu menyebut sesuatu perkataan, hakikatnya mereka langsung tidak pernah melihat perkara tersebut sama ada yang melibatkan kata nama. Begitu juga yang melibatkan kata adjektif ataupun kata kerja. Sebagai contoh, perkataan “*genok, jebo, telo, leng*” dan lain-lain lagi. Semua perkataan tersebut sama ada jarang digunakan ataupun menjadi tinggalan begitu sahaja bersama arus zaman.

Perkataan ataupun kosa kata yang digunakan masyarakat pada suatu ketika dahulu merupakan satu khazanah yang harus diwarisi oleh generasi akan datang. Identiti sesuatu masyarakat, kadangkala melambangkan masyarakat tersebut. Sebagai satu usaha pengukuhan identiti masyarakat satu pelestarian sesuatu dialek harus dijalankan.

Rujukan

Abdullah Hassan. (2009). *Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan Globalisasi*. Jurnal Kemanusiaan, 16, 59-81.

Abdul Hamid Mahmood. (1990). *Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas*.

Jurnal Dewan Bahasa, 34(3): 217-225

Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit UKM

Faizal Mohamed Sultan, Ahmad Zaharani Mohamed, Norhashimah Jalaluddin, Nor Harishon Radzi. (2016). Dialek *Sebagai Satu Alat Pengajaran Bahasa*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE), 2(2), 80–84. Retrieved from [http://gbse.com.my/isijune16v2/GBSE 2\(2\) 80-84 \(June 2016\).pdf](http://gbse.com.my/isijune16v2/GBSE%202(2)%2080-84%20(June%202016).pdf)

Faizal Mohamed Sultan & Nurulatiqah Mohamed Suhaimi. (2012). *Kata soal dalam dialek Kedah*. GEMA Online Journal

of Language Studies, 12(2), 475–493

James T. Collins. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi. Penerbit UKM.

Karlina Helmanita, (2013). *Analisis Sociolinguistik Perubahan Bahasa Pada Masa Pra-Pasca Pubertas*. Al-Turas, Vol. XIX, No. 1, Januari 2013.

Made Suparta dan Nyoman Kardana.(2017). *Pemakaian Bahasa oleh Masyarakat Bugis di Desaq Senganan, Tanabali. Bali*. KULTURISTIK: Jurnal Bahasa dan Budaya, Vol.1, No.1, Julai 2017 (21-31)

Mohammad Fazeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Idris Aman. (2012). *Sikap dan kefahaman pelajar terhadap dialek Negeri Sembilan: Kajian sociolinguistik*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(4), 1193–1211.

Mujid F Amin dan Suyanto. (2017). *Pergeseran dan Pemertahanan Bahasa Ibi Dalam Ranah Rumah Tangga Migran di Kota Semarang*.

NUSA, Vol.12, No.1, Februari 2017.

Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). *Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu*. Pusat Pengajian Bahasa Dan Linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia, 10(October 2016), 158–172.

Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad dan Harishon Mohd Radzi. (2016). *Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS)*. GEMA Online Journal of Language Studies, Volume 16(1), Februari 2016.

Noor Rohana Mansor, Noraein Mansor, Normaliza Abd Rahim. (2013). *Dialek Melayu Terengganu : Pendokumentasian Dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan*. Jurnal Melayu, 10, 21–35.

Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). *Suku Kata Terbitan Dialek Terengganu dalam Akedemika*. 87(1) April 2017: 165 – 175.

Siti Rahimah Mustafa, Raja Mashitah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz dan Mohd Sharifudin Yusop. (2017). *Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan Kaitannya dengan Pembentukan Jati Diri*. Jurnal Bahasa. Jilid 17, Bil.1 JUN 2017. Penerbit DBP.

Zalina Mohd Zalzali. (2003). *Dialek Terengganu di sekitar kaasan pantai mukim Rusila, daerah Marang. Satu Kajian Kes*. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.